



CUKUPKAH WANG SIMPANAN UNTUK PERSARAAN?

Oleh **SABRINA ZULKIFLI**
sabrina.zulkifli@mediamulia.com.my

TEKANAN kos sara hidup, pertumbuhan gaji yang perlahan serta liputan perlindungan sosial yang tidak menyeluruh menjadikan isu ketidakcukupan simpanan persaraan semakin membimbangkan di negara ini.

Walaupun belum berada pada tahap krisis menyeluruh, pakar berpandangan Malaysia sedang bergerak ke arah risiko krisis persaraan berstruktur yang boleh memberi kesan jangka panjang kepada kestabilan

sosial dan ekonomi negara.

Perancang Kewangan Berlesen, Rafiq Hidayat Mohd Ramli berkata, berdasarkan data rasmi daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), hanya 23.9 peratus pencarum keseluruhan mencapai tahap Simpanan Asas mengikut umur setakat Ogos 2025.

Menurutnya, hanya 38.8 peratus pencarum aktif dalam sektor formal mencapai sasaran simpanan ditetapkan.

"Ini bermaksud majoriti rakyat berisiko memasuki usia tua dengan simpanan tidak mencukupi. KWSP sendiri menganggarkan seseorang me-

**HANYA 38.8 PERATUS
PENCARUM AKTIF
DALAM SEKTOR
FORMAL MENCAPAI
SASARAN SIMPANAN
DITETAPKAN.**

merlukan sekitar RM650,000 untuk mencapai tahap persaraan munasabah bagi tempoh kira-kira 20 tahun selepas umur persaraan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Beliau berkata, apabila digabungkan dengan faktor penuaan populasi, peningkatan kos kesihatan serta perlindungan sosial yang terhad, tekanan sistemik terhadap sistem persaraan negara semakin ketara, khususnya dalam kalangan kumpulan B40 dan M40 bawah.

"Namun, ini bukan kegagalan satu institusi sahaja, sebaliknya gabungan faktor ekonomi, demografi dan struktur pasaran

buruh," jelasnya.

Mengulas faktor struktur ekonomi, beliau berkata, pertumbuhan gaji yang tidak seiring dengan kenaikan kos sara hidup merupakan antara penyumbang utama kepada masalah tersebut.

Katanya, apabila pendapatan sebenar tidak berkembang selari dengan inflasi, keupayaan untuk mencarum atau menyimpan menjadi semakin terhad.

"Selain itu, liputan perlindungan sosial yang tidak menyeluruh turut mewujudkan jurang besar dalam keselamatan hari tua.